

# Pengaruh parti Melayu Semenanjung penentu kestabilan politik negara



Oleh Prof Datuk Dr Jayum Anak Jawan  
bhrencana@bh.com.my

**Seruan** bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini supaya orang Melayu di Semenanjung kembali bersatu dalam satu wadah perjuangan boleh disifatkan tepat pada masanya.

Ini kerana, landskap politik Melayu Semenanjung ketika ini berada dalam keadaan tidak menentu dan goyah. Kuasa politik Melayu berpecah kepada empat kelompok utama, iaitu mereka yang bernaung di bawah PKR, UMNO, BERSATU dan PAS.

Situasi ini berbeza dalam tempoh sejak lalu, ketika majoriti orang Melayu bernaung di bawah UMNO, dengan sebahagian kecil sahaja menyokong PAS.

Bagaimanapun, sokongan kecil terhadap PAS pada masa lalu tetap signifikan, kerana ia membolehkan parti berkenaan bergilir-gilir dengan UMNO memerintah Kelantan dan Terengganu.

Namun, realiti perlu diakui ialah kuasa politik Malaysia masih berada dalam genggaman orang Melayu dan sebahagian besar institusi utama negara juga diketuai orang Melayu Semenanjung.

Oleh itu, seruan Dr Mahathir dalam aspek ini boleh dikatakan ‘separuh benar’ kerana walaupun

kuasa politik Melayu tidak sepenuhnya hilang, perpecahan berlaku masa kini menghalang satu parti Melayu daripada memperoleh majoriti mudah secara bersendirian untuk membentuk kerajaan.

Secara umum, PKR menerima sokongan orang Melayu Semenanjung yang hampir setara dengan UMNO, BERSATU dan PAS.

Namun, keupayaan PKR menggembung sokongan pelbagai parti dalam gabungan Pakatan Harapan (PH) membolehkannya mendapat peluang pertama untuk membentuk kerajaan khasnya selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 2018.

## PRU16 medan terbaik penentuan

Seperkara yang harus diakui, Malaysia amat memerlukan kepemimpinan politik Melayu Semenanjung yang kukuh dan stabil supaya masa dan tenaga boleh ditumpukan kepada pembangunan negara dari pelbagai sudut.

Penyatuan politik orang Melayu Semenanjung perlu diputuskan mereka sendiri kerana rakyat Sabah, Sarawak dan bukan Melayu tidak dapat menentukan haluan politik Melayu Semenanjung. Mereka hanya mampu memperkuuh kerajaan ditubuhkan mana-mana kelompok Melayu yang memperoleh sokongan majoriti. Oleh itu, orang Melayu Semenanjung perlu membuat keputusan jelas mengenai kelompok mana mahu disokong sama ada PKR, UMNO, BERSATU atau PAS.

Gabungan sokongan terhadap beberapa parti ini mungkin boleh menjadi penentu kekuatan kepada salah satu daripada parti utama terbabit.

Kaum Cina, India serta rakyat Sabah dan Sarawak tidak mempunyai sentimen mendalam terhadap parti Melayu ini. Mereka lazimnya akan menyokong mana-mana kelompok berjaya mendapat sokongan kukuh daripada orang Melayu Semenanjung.

Maka, PRU16 nanti adalah medan terbaik untuk orang Melayu Semenanjung membuat penentuan ini. Melayu Semenanjung hari ini berbeza dengan zaman Tunku Abdul Rahman dan Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Melayu pasca Dasar Ekonomi Baharu (DEB) adalah generasi yang lebih yakin diri, berjaya dan tidak mudah terpengaruh dengan retorik sempit.

Oleh itu, mana-mana parti sama ada PKR, UMNO atau BERSATU perlu membawa wajah baharu Melayu Semenanjung ke barisan hadapan jika ingin kekal relevan. Wajah baharu ini ialah generasi Melayu yang maju, berani dan optimis dengan masa depan mereka sama ada dalam negara maupun pada peringkat antarabangsa.

Jika perubahan ini dapat dilakukan, salah satu parti Melayu Semenanjung mungkin akan muncul sebagai platform utama menyatakan orang Melayu, sekali gus membawa Malaysia melangkah lebih bermakna pada masa hadapan.

Felo Kursi  
Institusi Raja-Raja  
Melayu Universiti  
Teknologi MARA  
(UiTM)